

KEPERLUAN PEMBANGUNAN HOTEL DALAM MENAMPUNG
AKTIVITI PELANCONGAN

SITI ZULFAIZAL BINTI AHMAD

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

KEPERLUAN PEMBANGUNAN HOTEL DALAM MENAMPUNG
AKTIVITI PELANCONGAN

SITI ZULFAIZAL BINTI AHMAD

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian
daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Sains (Harta Tanah)

Fakulti Alam Bina dan Ukur
Universiti Teknologi Malaysia

OKTOBER 2022

DEDIKASI

Ya Allah Ya Rabbi

Alhamdulillah

Ku panjatkan kesyukuran atas limpahan rahmat dan kasih sayang Mu
Memberiku kesempatan menuntut ilmu Mu yang maha luas

Buat kesayanganku suami tercinta Zainudin bin Ab. Rahman
Kezinaan dan keredhaan mu memberi kekuatan dan semangat dalam
Menuntut ilmu Allah ini.

Titipan buat jauhari permata anakandaku buah hati Ummi
Muhammad Hafizudin Firdaus, Siti Aishah Amirah dan Siti Sarah Soffiyah.

Terima kasih atas pengorbanan masa yang diberikan buat Ummi.
Memahami situasi dan berdikari dalam tempoh pengajian ini amat Ummi sanjungi.
Mudah mudahan anak-anak Ummi menjadikan usaha menuntut Ilmu Allah suatu
keutamaan dalam hidup. Bukan untuk dibanggakan tetapi untuk dimanfaatkan.

Istimewa buat pengarang jantungku Ibunda tercinta Saidah binti Che Awang
Terima kasih atas doa, dorongan dan kata-kata semangat mu, sentiasa
mendampingi dalam mengharungi perjalanan hidupku dari kecil sehingga kini.

Juga titipan doa keampunan buat arwah ayahanda Ahmad@Zahid bin Daud
Syukur atas pembentukan peribadi dan kekentalan jiwa dalam menempuhi kehidupan
yang tujuannya adalah ibadah kepada Allah Azzawajalla semata-mata.

Tak lupa buat adik beradik, ipar duai dan anak-anak saudaraku
diatas doa dan sokongan yang diberikan.

Sesungguhnya hanya ALLAH SWT sahaja yang dapat membalas segala jasa baik,
pengorbanan dan doa semua yang telah dititipkan buat diriku.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah dan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya Projek Sarjana ini akhirnya dapat disiapkan dengan jayanya.

Setulus penghargaan kepada Pihak Pengurusan Tertinggi Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) dan Pihak Pengurusan Institut Penilaian Negara di atas peluang yang diberikan dan penajaan pengajian.

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada Penyelia yang juga merangkap Penyelaras Program Sarjana iaitu Dr. Nurul Syakima binti Mohd Yusoff atas segala ilmu, panduan dan kata-kata semangat yang diberikan sepanjang kajian dijalankan. Tidak dilupakan ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua pensyarah yang telah mencurahkan ilmu, panduan dan dorongan yang ikhlas sepanjang tempoh pengajian.

Penghargaan juga diberikan kepada para panel kajian iaitu Prof. Madya Dr. Dzurlkarnian@ Zulkarnain bin Daud dan Prof. Madya Dr. Mat Naim bin Abdullah @ Mohd Asmoni atas panduan dan tunjuk ajar yang diberikan.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada rakan seperjuangan yang bersama-sama berkongsi ilmu menyiapkan projek sarjana ini juga kepada rakan-rakan di JPPH yang membantu dan menyokong kajian ini.

ABSTRAK

Pembangunan sesebuah negara dapat dilihat dari situasi ekonomi semasa. Pergerakan ekonomi yang aktif akan menjana pendapatan sesebuah negara. Sektor ekonomi memainkan peranan atau fungsi masing-masing yang mana ianya saling melengkapi dalam pembangunan sesebuah negara. Antara sektor yang paling menjadi aktiviti pilihan yang mampu menggerakkan ekonomi setempat ialah industri pelancongan. Daerah Besut, Terengganu dilihat antara kawasan yang aktif menerima pelancong. Daerah Besut mempunyai gerbang pelancongan yang unik dan dinamik mampu mencorak kepelbagaian aktiviti pelancongan dan menggamit ramai pengunjung tempatan dan pelancong antarabangsa. Pusat-pusat peranginan pantai di Daerah Besut, Terengganu mempunyai tahap kemudahsampaian yang tinggi dan kemudahan infrastruktur yang baik seiring dengan kemajuan sektor pelancongan negara. Kelestarian aktiviti pelancongan perlu selari dengan pembangunan sektor ekonomi dan pembangunan harta tanah di daerah ini. Pembangunan penginapan yang sedia ada lebih menjurus kepada hotel bajet dan berbentuk chalet. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penawaran hotel sediaada adakah mencukupi untuk menampung industri pelancongan, mengenal pasti keperluan pembangunan hotel yang mempunyai penarafan bintang sebagai mercu tanda dan ciri-ciri pembangunan hotel. Skop kajian ini adalah melihat keperluan pembangunan hotel di Daerah Besut, Terengganu. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dimana data dikumpulkan melalui kaedah temubual dan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan (content analysis). Responden bagi kajian ini adalah wakil pihak pengurusan Majlis Daerah, Pentadbir Tanah, Jabatan Pelancongan Negeri dan Pihak Swasta. Kajian ini penting dalam membantu untuk dijadikan sebagai garis panduan asas dalam usaha untuk meningkatkan dan memperkasakan pembangunan harta tanah dalam industri perhotelan di negeri Terengganu amnya dan Daerah Besut amnya. Kajian ini dijangkakan mampu membantu pihak yang berkaitan dalam menarik minat pelabur dalam mewujudkan industri perhotelan yang bertaraf bintang bagi memangkin dan menjana ekonomi penduduk di daerah ini seiring dengan sektor ekonomi utama yang sedia ada iaitu pertanian, perikanan, perdagangan dan perkhidmatan.

ABSTRACT

The development of a country can be seen from the current economic situation. An active economic movement will generate income for a country. Economic sectors play their respective roles or functions which complement each other in the development of a country. Among the sectors that are the most preferred activity that can move the local economy is the tourism industry. Besut District, Terengganu is seen as one of the areas that actively receive tourists. Besut District has a unique and dynamic tourism gateway capable of patterning a variety of tourism activities and attracting many local visitors and international tourists. Beach resorts in Besut District, Terengganu have a high level of accessibility and good infrastructure facilities in line with the progress of the country's tourism sector. The sustainability of tourism activities must be parallel to the development of the economic sector and the development of real estate in this district. The existing accommodation development is more geared towards budget hotels and chalets. Therefore, this study aims to identify whether the existing hotel supply is sufficient to accommodate the tourism industry, identify the development needs of hotels that have a star rating as landmarks and characteristics of hotel development. The scope of this study is to see the needs of hotel development in Besut District, Terengganu. This study uses a qualitative method where data is collected through interviews and analyzed using content analysis. The respondents for this study are representatives of the management of the District Council, the Land Administrator, the State Tourism Department and the Private Party. This study is important in helping to be used as a basic guideline in an effort to improve and empower the development of real estate in the hospitality industry in the state of Terengganu in general and Besut District in general. This study is expected to be able to assist relevant parties in attracting investors' interest in creating a star-rated hospitality industry to catalyze and generate the economy of the people in this district in line with the existing main economic sectors, namely agriculture, fisheries, trade and services.

SENARAI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
PENGAKUAN	i
DEDIKASI	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
SENARAI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SINGKATAN	xi
SENARAI LAMPIRAN	xii
BAB 1	PENDAHULUAN
1.1	Pengenalan 1
1.2	Pernyataan Masalah 3
1.3	Persoalan Kajian 12
1.4	Objektif Kajian 12
1.5	Skop Kajian 12
1.6	Kepentingan Kajian 13
1.7	Metodologi Kajian 14
1.8	Susunatur Bab 17

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	19
2.2	Pembangunan Harta Tanah	19
2.3	Pembangunan Hotel	20
	2.3.1 Permintaan Hotel	20
	2.3.2 Penawaran Hotel	24
2.4	Kepentingan Pembangunan Hotel	25
2.5	Kategori Pelancong	25
2.6	Kesimpulan	20

BAB 3 KAJIAN METODOLOGI

3.1	Pengenalan	27
3.2	Kajian Metodologi	28
3.3	Peringkat Kajian	28
	3.3.1 Peringkat Pertama: Kajian Literatur	28
	3.3.2 Peringkat Kedua: Pengumpulan Data	29
	3.3.3 Peringkat Ketiga: Analisis Data	31
	3.3.4 Peringkat Keempat: Cadangan Dan Kesimpulan	32
3.4	Kesimpulan	32

BAB 4 KAWASAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	33
4.2	Latar Belakang Kajian	33
4.3	Pembangunan Daerah Besut	34
4.4	Rancangan Struktur Negeri	36
4.5	Rancangan Tempatan	37
4.6	Kesimpulan	37

BAB 5 ANALISIS, DAN PENEMUAN KAJIAN

5.1	Pengenalan	38
5.2	Metodologi Kajian	38
5.3	Kaedah Penganalisaan Data	39
5.4	Analisis Dan Penemuan Kajian	40
5.5	Hasil Analisis	53

BAB 6 CADANGAN DAN RUMUSAN

6.1	Pengenalan	55
6.2	Penemuan Kajian	55
6.2.1	Pencapaian Objektif Pertama	56
6.2.2	Pencapaian Objektif Kedua	56
6.2.3	Pencapaian Objektif Ketiga	57
6.2.4	Halangan Dan Cabaran Pembangunan	57
6.3	Limitasi Kajian	57
6.4	Cadangan Kajian Lanjutan	58
6.5	Rumusan	59

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 1.1	Jumlah Penginapan Pelancongan Di Baerah Besut	5
Jadual 1.2	Senarai Penginapan Pelancongan Di Daerah Besut	6
Jadual 1.3	Statistik Ketibaan Pelancong (Tourism Malaysia, 2021)	10
Jadual 5.1	Hasil Temubual Terhadap Sektor Ekonomi Utama di Daerah Besut	39
Jadual 5.2	Hasil Analisis Terhadap Sektor Ekonomi Utama Di Daerah Besut	40
Jadual 5.3	Hasil Temubual Terhadap Kemampuan Sektor Pelancongan Menjana Pendapatan Daerah Besut	43
Jadual 5.4	Hasil Analisis Terhadap Kemampuan Sektor Pelancongan Menjana Pendapatan Daerah Besut	44
Jadual 5.5	Hasil Temubual Terhadap Kecukupan Penawaran Hotel Di Daerah Besut	46
Jadual 5.6	Hasil Analisis Terhadap Kecukupan Penawaran Hotel Di Daerah Besut	46
Jadual 5.7	Hasil Temubual Terhadap Keperluan Penawaran Hotel Bertaraf Bintang Di Daerah Besut	48
Jadual 5.8	Hasil Analisis Terhadap Keperluan Penawaran Hotel Bertaraf Bintang Di Daerah Besut	47
Jadual 5.9	Hasil Temubual Terhadap Ciri-ciri Hotel Yang Sesuai Di Daerah Besut	50
Jadual 5.10	Hasil Analisis Terhadap Ciri-ciri Hotel Yang Sesuai Di Daerah Besut	51

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 1.1	Pertumbuhan Ekonomi Mengikut Negeri Dan Aktiviti Ekonomi (Portal Rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022)	2
Rajah 1.2	Jumlah Kemasukan Pelancong Dari Tahun 2010 hingga 2021 (Kementerian Pelancongan, Kesenian Dan Kebudayaan, 2021)	9
Rajah 1.3	Graf Statistik Pelancong Ke Taman Laut Terengganu dari Tahun 2000 hingga 2017 (Kementerian Pelancongan, Kesenian Dan Kebudayaan, 2021)	10
Rajah 1.4	Carta Alir Metodologi Kajian	15
Rajah 5.1	Kedudukan Sektor Ekonomi Utama di Daerah Besut (Portal Rasmi Majlis Daerah Besut, 2022)	42
Rajah 5.2	Pengukuhan Pertumbuhan Sektor Ekonomi Utama Di Daerah Besut (Draf Rancangan Struktur Negeri Terengganu 2050 (Kajian Semula, 2022)	42
Rajah 5.3	Faktor Pendokong Kemampuan Sektor Pelancongan Menjana Pendapatan Di Daerah Besut	45
Rajah 5.4	Status Penawaran Hotel Di Daerah Besut	47
Rajah 5.5	Keperluan Hotel Bertaraf Bintang Di Daerah Besut	49
Rajah 5.6	Ciri-ciri Hotel Yang Diperlukan Di Daerah Besut	51

SENARAI SINGKATAN

- NAPIC - Pusat Maklumat Harta Tanah Negara
- MOTAC - Kementerian Kesenian, Pelacangan Dan Budaya (Ministry Of
Tourism, Arts And Culture Malaysi)

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
Lampiran A	Borang Temubual (Interview)	65


BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENGENALAN

Pembangunan sesebuah negara dapat dilihat dari situasi ekonomi semasa. Pergerakan ekonomi yang aktif akan menjana pendapatan sesebuah negara. Selain itu, ianya juga dapat menjana pendapatan individu rakyat dalam negara tersebut. Secara umumnya, ekonomi melibatkan pelbagai sektor. Setiap sektor memainkan peranan atau fungsi masing-masing yang mana ianya saling melengkapi antara sektor dalam pembangunan sesebuah negara. Negara atau negeri maju sering kali dikaitkan dengan pembangunan mega, kepesatan ekonomi dan rakyatnya yang berpendapatan tinggi.

Di Malaysia perkembangan ekonomi negara adalah memberangsangkan. Walaupun tahun 2020 - 2021, Malaysia terkesan dengan pandemik yang melanda seluruh dunia iaitu Pandemik Covid-19, namun kitaran ekonomi masih berlaku bagi kelangsungan hidup penduduk. Bila mana negara mencapai tahap pembangunan yang lestari ianya perlu dilihat kepada skop yang lebih kecil agar kesan limpahan ekonomi dapat dirasai sehingga ke peringkat komuniti yang terkecil. Dalam pada itu kemajuan ekonomi di peringkat kawasan yang kecil mampu memusatkan dan menjana kemajuan ekonomi keseluruhan negara.



Rajah 1.1: Pertumbuhan ekonomi mengikut negeri dan aktiviti ekonomi, 2021

(Sumber : Portal Rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022)

Berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (StatsMalaysia 2022), 5 sektor utama yang ada dalam kitaran ekonomi negara ialah sektor pertanian, perlombongan, pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan. Rajah 1.1 menunjukkan pertumbuhan ekonomi mengikut negeri dan aktiviti ekonomi di Malaysia.

Dalam kajian ini, sektor yang ingin di perhalusi ialah berkaitan perkhidmatan iaitu pembangunan harta tanah khusus kepada pembinaan hotel yang boleh memberi kesan kepada sektor pelancongan yang mana ianya merupakan sektor terpenting dalam menjana pendapatan negara. Seiring dengan keperluan pembangunan harta tanah, pembangunan hotel di sesebuah kawasan itu penting bagi menampung aktiviti pelancongan dan aktiviti sampingan yang berkaitan.

1.2 PENYATAAN MASALAH

Industri perhotelan merupakan industri yang terkait secara langsung dengan pembangunan hartanah. Ia turut terkait dengan industri pelancongan yang menjadi salah satu sektor yang memberi sumbangan yang besar kepada ekonomi sesebuah negara.

Di Malaysia, pelancongan telah menjadi salah satu industri yang mengalami pertumbuhan paling pesat di kalangan sektor perkhidmatan sejak tahun 1990-an. Di sebalik sumbangannya kepada negara, kepesatan perkembangan industri pelancongan harus dikawal dan dirancang. Ini kerana aktiviti tersebut turut memberi impak negatif kepada alam sekitar dan penduduk setempat. Juga melalui perancangan dan kawalan tahap kepuasan dan penerimaan pelancong di sesebuah destinasi dapat dimaksimumkan. Pihak berkuasa boleh sentiasa merangka perancangan pelancongan yang lestari dan berdaya maju. Bentuk pembangunan yang baik ialah pembangunan pelancongan yang dapat memberikan kebaikan kepada manusia, alam semulajadi dan rangkaian ekonomi setempat. Sekaligus dapat mencapai matlamat utama dasar pelancongan negara untuk meningkatkan nilai pelancongan dengan cara memaksimumkan faedah sosioekonomi yang dihasilkan di samping meminimumkan kesan-kesan negatif yang tidak terkawal kepada ekosistem dan penduduk tempatan.

Sehubungan itu, ianya secara tidak langsung memerlukan penginapan yang bersesuaian bagi menampung aktiviti pelancongan tersebut. Dalam merealisasikan pembangunan negara, keputusan untuk terlibat dalam pembangunan hotel memerlukan keterlibatan pelbagai sudut dari segi perancangan, pelaksanaan dan kewangan. Pembangunan hotel pada masa kini mempunyai kawalan yang baik oleh Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Pelabur dalam bidang perhotelan mendapat galakan dari kedua-dua pihak berkuasa tersebut. Pelaburan dalam pembangunan hotel sudah tentu memerlukan perbelanjaan yang tinggi dengan jangkaan pulangan yang tinggi.

Pembangunan hartanah di negeri Terengganu adalah tertumpu kepada sektor kediaman dan perniagaan. Kedua sektor ini merupakan satu keperluan bagi menampung kitaran ekonomi negeri. Peningkatan permintaan dan penawaran terhadap kedua-dua sektor ini memberi gambaran pembangunan negeri sedang berkembang dengan baik. Selain itu dalam peredaran kitaran masa bersesuaian dengan gaya hidup masyarakat masa kini Negeri Terengganu turut menjadikan sektor pelancongan sebagai satu sektor utama negeri.

Pelancaran Pelan Strategik Kelestarian Pelancongan Negeri Terengganu 2021-2025 telah disempurnakan pada 8 November 2021. Pelan Strategik Kelestarian Pelancongan Negeri Terengganu 2021-2025 ini merangkumi lima teras, 23 strategi, 69 pelan tindakan dan 184 taktik yang ditetapkan sebagai hala tuju industri pelancongan Negeri Terengganu untuk tempoh lima tahun. Pelan ini dirangka bagi melestarikan pelancongan negeri secara menyeluruh dalam dimensi baharu industri pelancongan.

Negeri Terengganu mempunyai lapan daerah dimana setiap daerah mempunyai kawasan pelancongan tersendiri. Namun, pembangunan hotel di Negeri Terengganu adalah sedikit dan tertumpu di bandar utama. Pembangunan hotel yang ada hanya sekadar mencukupi untuk tujuan menginap sahaja kecuali hotel yang berada di bandar utama.

Selaras dengan Pelan Strategik kelestarian Pelancongan Negeri Terengganu, kajian ini menumpukan pembangunan hotel di Daerah Besut bagi menampung aktiviti pelancongan di sekitar daerah ini. Daerah Besut dilihat antara kawasan yang aktif menerima pelancong. Pusat-pusat peranginan pantai di daerah Besut mempunyai tahap kemudahan yang tinggi dan kemudahan infrastruktur yang baik seiring dengan kemajuan sektor pelancongan negara. Pusat peranginan ini mendapat sokongan, galakan dan insentif yang istimewa daripada kerajaan. Pantai peranginan di daerah Besut khususnya Pantai Air Tawar, Pantai Bukit Keluang dan Pulau Perhentian, menjadi tumpuan kerana alam semulajadi yang terpelihara dan mampan.

Dalam memastikan kelestarian aktiviti pelancongan, penginapan adalah menjadi satu perkara yang menjadi tumpuan para pelancong. Pelbagai jenis penginapan disediakan oleh pengusaha bagi memenuhi kehendak pelancong. Jenis penginapan yang terdapat di daerah Besut adalah hotel/resort, hotel bajet, chalet dan rumah inap desa. Namun begitu, kebanyakan penginapan jenis hotel/resort yang bertaraf bintang ini tertumpu di Pulau Perhentian iaitu pulau peranginan yang dikenali dunia. Jika dilihat dari destinasi pelancongan, Daerah Besut turut mempunyai pusat peranginan dan pusat rekreasi lain yang turut dikunjungi oleh masyarakat setempat dan pelancong. Ketidakseimbangan pembangunan hotel ini menyebabkan tiada penawaran hotel khususnya yang mempunyai taraf bintang sebagai satu mercu tanda yang boleh menggamit kedatangan pelancong ke destinasi pelancongan selain Pulau Perhentian.

Terdapat 73 buah penginapan yang terdiri dari pelbagai jenis penginapan di daerah Besut dalam memenuhi keperluan para pelancong semasa menjalankan aktiviti melancong. Pembangunan kemudahan penginapan seperti hotel/resort, hotel bajet, chalet dan rumah inap desa dikawal rapi oleh pihak berkuasa pembangunan negeri. Seperti dinyatakan dalam Jadual 1.1: Jumlah Penginapan Pelancongan Mengikut Lokaliti di Daerah Besut.

Jadual 1.1: Jumlah Penginapan Pelancongan di Daerah Besut

LOKALITI	PENARAFAN	BILANGAN PENGINAPAN
Pulau	Tiada Bintang	35
	1 Bintang	2
	2 Bintang	5
	3 Bintang	4
	4 Bintang	0
	5 Bintang	1
JUMLAH		47
Daratan	Tiada Bintang	22
	1 Bintang	2
	2 Bintang	1
	3 Bintang	1
	4 Bintang	0
	5 Bintang	0
JUMLAH		26

Sumber: Kajian Penulis (2022)

Daripada jadual di atas, 47 penginapan terletak di pusat peranginan Pulau Perhentian manakala selebihnya 26 buah penginapan berada di daratan. Penginapan yang mempunyai penarafan bintang kebanyakannya berada di Pulau Perhentian. Berikut adalah senarai terperinci dan lokaliti penginapan yang terdapat di daerah Besut seperti di jadual 1.2.

Jadual 1.2: Senarai Penginapan Pelancongan di Daerah Besut

BIL	LOKALITI	NAMA HOTEL	TARAF BINTANG OLEH MOTAC	BILANGAN BILIK	CATATAN
1	Bukit Kenak	D'impiani Inn	Unrated	14	Daratan
2	Bukit Kenak	Hotel Mar	Unrated	15	Daratan
3	Bukit Kenak	Hotel Nusantara	Unrated	11	Daratan
4	Bukit Kenak	Jerteh Hotel	Unrated	18	Daratan
5	Jabi	D'pinggiran Gunung Tebu Resort	1 Orchid	14	Daratan
6	Kampung Raja	Penginapan Kota Putera	Unrated	20	Daratan
7	Keluang	Damai Beach Resort	Unrated	44	Daratan
8	Keluang	Bukit Keluang Beach Resort	Unrated	73	Daratan
9	Keluang	Manor Beach Resort	2-Star	34	Daratan
10	Keluang	Tanjung Demong Beach Resort	3-Star	140	Daratan
11	Kuala Besut	Bidara Park Resort			Daratan
12	Kuala Besut	Azimos Chalet	2 Orchid	20	Daratan
13	Kuala Besut	D'rizan Beach Resort			Daratan
14	Kuala Besut	T'lodge Hotel	Unrated	15	Daratan
15	Kuala Besut	Lily Budget Hotel	Unrated	11	Daratan
16	Kuala Besut	Nan Hotel, Besut	2 Orchid	18	Daratan
17	Kuala Besut	Primula Coral View Beach Resort	Unrated	26	Daratan
18	Kuala Besut	Samudera Hotel	2 Orchid	28	Daratan
19	Lubuk Kawah	Grand Bussiness Hotel	Unrated		Daratan
20	Lubuk Kawah	Pekan Jerteh Fasa 8			Daratan
21	Pekan Jertih	Hotel Hoover (One Utama)		98	Daratan
22	Pekan Jertih	Hotel Suri	Unrated	11	Daratan
23	Pekan Jertih	Nadzlin Hotel	Unrated	14	Daratan
24	Pulau Perhentian	Abdul's Chalet	Unrated	20	Pulau
25	Pulau Perhentian	Alunan Boutique Resort	Unrated	18	Pulau
26	Pulau Perhentian	Amelia Café & Chalet	Unrated	13	Pulau
27	Pulau Perhentian	Arwana Chalet	3-Star	96	Pulau
28	Pulau Perhentian	Aur Bay Chalet	Unrated	15	Pulau
29	Pulau Perhentian	Ayumni House	Unrated	15	Pulau
30	Pulau Perhentian	Bayu Dive Lodge	Unrated	22	Pulau
31	Pulau Perhentian	Bintang View Chalet	Unrated	23	Pulau
32	Pulau Perhentian	Bubbles Dive Resort	1-Star	18	Pulau
33	Pulau Perhentian	Bubu Long Beach Resort	Unrated	38	Pulau

34	Pulau Perhentian	Bubu Villa	Unrated	18	Pulau
35	Pulau Perhentian	Butterfly Chalet	Unrated	12	Pulau
36	Pulau Perhentian	Carver Cove Resort	Unrated	22	Pulau
37	Pulau Perhentian	Chempaka Chalet	Unrated	20	Pulau
38	Pulau Perhentian	Coral Bay Chalet			Pulau
39	Pulau Perhentian	Coral View Resort	2-Star	95	Pulau
40	Pulau Perhentian	D'lagoon Chalet	Unrated	24	Pulau
41	Pulau Perhentian	Everfresh Beach Resort			Pulau
42	Pulau Perhentian	Fatimah Chalet	Unrated	20	Pulau
43	Pulau Perhentian	Fauna Beach Resort	2 Orchid	37	Pulau
44	Pulau Perhentian	Flora Bay Chalet (1)	2-Star	40	Pulau
45	Pulau Perhentian	Flora Bay Chalet (11)	2-Star	45	Pulau
46	Pulau Perhentian	Impiani Tropical Island			Pulau
47	Pulau Perhentian	Keranji Beach Resort	Unrated	10	Pulau
48	Pulau Perhentian	Lemon Grass Chalet	Unrated	18	Pulau
49	Pulau Perhentian	Matahari Chalet	1 Orchid	30	Pulau
50	Pulau Perhentian	Maya Chalet	Unrated	12	Pulau
51	Pulau Perhentian	Mimpi Resort Perhentian			Pulau
52	Pulau Perhentian	Mira Chalet	Unrated	10	Pulau
53	Pulau Perhentian	Mohsin Chalet	2 Orchid	25	Pulau
54	Pulau Perhentian	Moon Light Chalet			Pulau
55	Pulau Perhentian	Ombak Dive Resort	2-Star	25	Pulau
56	Pulau Perhentian	Panorama Chalet	Unrated	30	Pulau
57	Pulau Perhentian	Perhentian Island Resort	3-Star	106	Pulau
58	Pulau Perhentian	Perhentian Tivoli Inn	Unrated	24	Pulau
59	Pulau Perhentian	Perhentian Tropicana Inn	3-Star	40	Pulau
60	Pulau Perhentian	Pulau Perhentian Marriot Resort & Spa	5-Star	259	Pulau
61	Pulau Perhentian	Rock Garden Chalet (Baru)	1-Star	65	Pulau
62	Pulau Perhentian	Samudra Beach Chalet	Unrated	36	Pulau
63	Pulau Perhentian	Senja Bay Resort	3 Orchid	54	Pulau
64	Pulau Perhentian	Shari-La Island Resort	3-Star	100	Pulau
65	Pulau Perhentian	Suhaila Palace	Unrated	12	Pulau
66	Pulau Perhentian	Symphony Chalet	Unrated	20	Pulau
67	Pulau Perhentian	The Barat Perhentian	1 Orchid	72	Pulau
68	Pulau Perhentian	The Reef Chalet	Unrated	20	Pulau
69	Pulau Perhentian	Tuna Bay Resort	2-Star	55	Pulau
70	Pulau Perhentian	Watercolours Resort	Unrated	25	Pulau
71	Tembila	Nk's Chalet	Unrated	21	Daratan
72	Tenang	New Cocohut Chalet	1-Star	43	Daratan
73	Tenang	Hashim Place @ Mama's Place	1-Star	44	Daratan

Sumber: Kajian Penulis (2022)


Berdasarkan jadual tertera, tumpuan pembinaan hotel/resort lebih dominan di Pulau Perhentian. Persoalannya bagaimana dengan destinasi pelancongan yang lain selain Pulau Perhentian sedangkan Daerah Besut mempunyai banyak lagi tempat pelancongan yang menarik.

Keperluan penginapan adalah berkait rapat dengan bilangan kemasukan pelancong ke Malaysia dan daerah Besut khususnya. Bilangan pelancong boleh mempengaruhi penawaran penginapan mengikut jenis yang bersesuaian dengan permintaan dan kemampuan pelancong. Jadual 1.3: menunjukkan statistik kedatangan pelancong ke Malaysia dari tahun 2010 hingga 2021 dan graf bilangan adalah seperti di Rajah 1.3.

Jadual 1.3: Statistik Ketibaan Pelancong

Tahun	Bilangan Ketibaan
2010	24,577,196
2011	24,714,324
2012	25,032,708
2013	25,715,460
2014	27,437,315
2015	25,721,251
2016	26,757,392
2017	25,948,459
2018	25,832,354
2019	26,100,784
2020	4,332,722
2021	73,309

Sumber: Tourism Malaysia. <https://www.tourism.gov.my/statistics>



Rajah 1.2: Jumlah kemasukan pelancong dari tahun 2010 hingga 2021 (Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan, 2021)

Berdasarkan rajah 1.2 di atas, kemasukan pelancong adalah konsisten setiap tahun namun terdapat penurunan yang drastik pada tahun 2021. Penurunan ini disebabkan berlaku Pandemik Covid-19 yang melanda masyarakat dunia pada akhir tahun 2019 sehingga tahun 2021. Negara Malaysia turut terkesan dengan Pandemik Covid 19 yang menunjukkan penurunan mendadak kehadiran pada tahun 2021 akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan penutupan sempadan negara. Daripada jumlah ketibaan pelancong ke Malaysia, sebahagiannya telah memilih Negeri Terengganu sebagai destinasi pelancongan. Negeri Terengganu yang mempunyai beberapa pulau yang dikenali di peringkat antarabangsa pasti menjadi tumpuan pelancong iaitu Pulau Redang, Pulau Perhentian dan Pulau Kapas. Jadual 1.4: menunjukkan statistik bilangan pelancong ke Taman Laut di Negeri Terengganu.


Jadual 1.4: Statistik Pelancong Ke Taman Laut Terengganu

TAHUN	JENIS PELAWAT		JUMLAH
	TEMPATAN	LUAR NEGARA	
2000	43,390	9,244	52,634
2001	65,539	8,041	73,580
2002	56,263	8,041	64,304
2003	71,654	7,563	79,217
2004	111,225	31,251	142,476
2005	98,863	24,296	123,159

2006	93,546	41,552	135,098
2007	112,844	38,553	151,397
2008	129,532	22,292	151,824
2009	99,434	70,692	170,126
2010	130,174	86,230	216,404
2011	109,331	98,378	207,709
2012	115,738	95,274	211,012
2013	153,190	82,686	235,876
2014	198,096	63,998	262,094
2015	176,651	68,111	244,762
2016	177,766	93,181	270,947
2017	255,352	107,442	362,794
JUMLAH	2,198,588	956,825	3,155,413
%	69.68%	30.32%	100%

Sumber: (Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan, 2021)

Jumlah kehadiran pelancong ke Taman Laut Terengganu menunjukkan peningkatan hasil dari galakan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan. Rajah 1.3. menunjukkan graf peningkatan kehadiran pelancong ke Taman Laut mengikut pecahan pelancong domestik dan pelancong antarabangsa.



Rajah 1.3: Graf Statistik Pelancong Ke Taman Laut Terengganu dari tahun 2000 hingga 2017. (Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan, 2021)

Jumlah kedatangan pelancong menunjukkan pertumbuhan sederhana secara konsisten pada setiap tahun. Akhbar tempatan saban tahun melaporkan peningkatan bilangan pelancong dalam negara. Kehadiran pelancong yang berterusan ini sewajarnya dimanfaatkan kehadiran mereka oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan kerana ia boleh membawa masuk aliran wang seterusnya menggalakkan pertumbuhan ekonomi setempat. Oleh itu segala keperluan dan kemudahan yang diperlukan oleh para pelancong wajar diberi perhatian bagi memberi ingatan atau memori kepada pelancong agar membuat kunjungan ulangan ke tempat peranginan yang telah dikunjungi.

Justeru itu bagi menampung aktiviti pelancongan dan ekonomi berkaitan maka keperluan penginapan sewajarnya diberi perhatian khusus. Jenis penginapan memainkan peranan penting dalam memenuhi kehendak dan citarasa pelancong dari segi lokaliti, jenis penginapan, jenis bilik dan kadar bilik. Penentuan jenis penginapan adalah penting memandangkan daerah Besut kekurangan pembangunan penginapan dari jenis hotel yang berjenama dan mempunyai bintang. Industri perhotelan adalah pembangunan yang mempunyai daya tarikan malah mampu menarik pelancong dengan perkhidmatannya yang tersendiri jika berada di lokaliti yang strategik. Industri perhotelan memerlukan perbelanjaan yang besar. Ianya memerlukan kemahiran untuk menjalankan operasi perkhidmatan dan penyelenggaraan. Industri ini amat penting dalam memacu ekonomi sesuatu kawasan sekiranya ianya dijalankan dengan baik. Pembangunan hotel di sesuatu kawasan penting bagi menjadi tempat penginapan untuk aktiviti pelancongan.

Selain dari destinasi pelancongan, Daerah Besut juga merupakan laluan utama ke Negeri Kelantan dari Negeri Pahang. Terdapat 2 laluan utama iaitu melalui jalan dari Jerteh, Terengganu ke Pasir Putih, Kelantan dan melalui Kuala Besut, Terengganu ke Tok Bali, Kelantan. Bukan hanya kehadiran pelancong tetapi juga penduduk tempatan dan luar akan berada di daerah ini jika melalui jalanraya. Dengan itu, pembangunan hotel boleh menjadi tempat persinggahan sementara untuk menuju ke sesuatu kawasan yang lebih jauh. Ianya juga menjadi tempat menjalankan majlis rasmi dan aktiviti keluarga.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

Soalan penyelidikan kajian bagi memastikan objektif dapat dicapai ialah seperti berikut:-

- i. Adakah penawaran hotel sediaada mencukupi untuk menampung sektor pelancongan di Negeri Terengganu?
- ii. Adakah pembangunan hotel yang mempunyai penarafan bintang diperlukan sebagai mercu tanda pelancongan?
- iii. Apakah ciri-ciri pembangunan hotel bertaraf bintang yang perlu dibangunkan?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Berikut merupakan objektif kajian yang telah ditetapkan bagi memastikan tujuan kajian dijalankan dapat dicapai;

- i. Mengenalpasti penawaran hotel dalam menampung aktiviti sektor pelancongan;
- ii. Mengenalpasti keperluan pembangunan hotel yang mempunyai penarafan bintang sebagai mercu tanda.
- iii. Mengenalpasti ciri-ciri pembangunan hotel bertaraf bintang yang perlu dibangunkan.

1.5 SKOP KAJIAN

Skop kajian ini menumpukan kepada perkembangan pembangunan industri perhotelan di Daerah Besut, Negeri Terengganu yang memerlukan kepada sektor perhotelan sebagai pendokong kelangsungan ekonomi di daerah ini. Dengan itu, Daerah Besut dilihat mampu memberi impak kepada industri pelancongan negeri. Oleh itu, kajian ini memfokuskan kepada bilangan hotel yang ada di daerah Besut dan

melihat sejauh mana pihak kerajaan menangani penawaran hotel untuk keperluan para pelancong yang berkunjung di daerah ini.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini akan memberi manfaat kepada Kerajaan Tempatan terutama Majlis Daerah Besut dalam membuat keputusan untuk pembangunan harta tanah umumnya dan industri perhotelan khususnya bagi menyokong industri pelancongan dan ekonomi setempat. Sudah tentu ia akan mendatangkan hasil kepada kerajaan tempatan melalui perkembangan kitaran ekonomi setempat dan cukai terhasil.

Di peringkat yang lebih tinggi, kerajaan negeri juga dapat memanfaatkan kajian ini untuk dijadikan sebagai garis panduan asas dalam usaha untuk meningkatkan dan memperkasakan pembangunan industri perhotelan di negeri Terengganu amnya dan Daerah Besut amnya.

Dari segi akademik pula, adalah diharapkan kajian ini dapat menyumbang kepada bidang ilmu yang berkaitan dengan pembangunan industri perhotelan amnya dan industri harta tanah khususnya. Kajian ini juga merupakan pelengkap kepada bidang ilmu pengurusan harta tanah untuk pembangunan harta tanah, pengurusan perhotelan, pengurusan pengangkutan, pengurusan perniagaan penduduk tempatan dan perancangan pembangunan di sesuatu kawasan.

1.7 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian merujuk kepada kerangka carta alir bagaimana kajian dijalankan.

Metodologi kajian ini akan melalui empat (4) fasa, iaitu **fasa pertama** adalah mengenalpasti isu, **fasa kedua** pula membuat kajian literatur berkenaan latar belakang kajian. **Fasa ketiga** adalah kaedah dan cara yang akan digunakan bagi pelaksanaan proses pengumpulan dan penganalisaan data. Manakala **fasa keempat** pula ialah berkenaan dengan perbincangan hasil, kesimpulan dan cadangan yang akan dikemukakan berdasarkan kepada penemuan kajian.

1.7.1 Fasa 1: Pengenalpastian Isu

Kajian dimulakan dengan mengenal pasti jenis kajian dan skop kajian yang sesuai. Tajuk kajian akan mencorak pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian dan kepentingan kajian ini kepada pihak-pihak tertentu. Pada peringkat ini, penerangan mengenai metodologi kajian juga ditentukan.

1.7.2 Fasa 2: Kajian Literatur

Tujuan kajian literatur ini dilakukan adalah untuk mendapatkan satu gambaran yang jelas dan komprehensif mengenai isu yang sedang dikaji. Penjelasan mengenai kajian lebih tertumpu pada aspek-aspek teori agar maklumat mengenai kajian lebih mendalam serta kesimpulan pada akhir kajian dapat dilakukan. Pada peringkat kajian literatur ini, teori mengenai pembangunan harta tanah dan keperluan pembangunan hotel turut diperincikan. Pada peringkat ini juga, pembacaan terhadap kajian-kajian terdahulu, keratan akhbar, artikel, jurnal, buku rujukan dan laman sesawang dilakukan.


1.7.3 Fasa 3: Mengenal Pasti Kaedah Pengumpulan dan Penganalisaan Kandungan

Pada peringkat ini, kaedah pengumpulan data sekunder, diperoleh dari hasil pembacaan bahan ilmiah. Manakala, data primer pula diperoleh daripada soal kaji selidik terhadap beberapa pihak iaitu kerajaan tempatan, pengusaha hotel dan pelancong. Data diperoleh boleh melalui bentuk kualitatif iaitu berdasarkan jawapan soal selidik dan juga pemerhatian yang dilakukan. Soalan disediakan dan diolah daripada kajian literatur atau teori-teori yang telah dicatat dalam peringkat sebelumnya.

Kaedah mengumpulkan data dilakukan melalui dua kaedah asas iaitu **primer** dan **sekunder**. Pada peringkat ini, pengumpulan data primer dijalankan melalui borang kaji selidik/temuduga disasarkan kepada pengusaha hotel dan pelancong. Kepentingan data primer ini akan menentukan faktor kejayaan kajian melalui ketepatan dan kesahihan data diperoleh. Manakala, bagi data sekunder pula, maklumat yang diperlukan untuk mengenal pasti apakah pembangunan hotel diperlukan sebagai menampung penawaran penginapan. Kepentingan data sekunder adalah untuk membuktikan teori menerusi kajian lapangan dan juga memastikan kajian adalah sahih untuk tujuan ilmiah.

Berdasarkan data-data yang telah dikumpul, kerja-kerja menganalisis perlu dijalankan bagi memastikan kajian dapat memenuhi objektif kajian yang telah ditetapkan. Peringkat ini penting, kerana ia akan menentukan hasil keputusan dan menjawab objektif yang telah ditetapkan.

Rajah 1.4: membentangkan secara ringkas proses penyelidikan yang terlibat dalam kajian ini.



Rajah 1.4 : Carta Alir Metodologi Kajian

1.7.4 Fasa 4: Cadangan dan Rumusan

Fasa ini akan menjelaskan cadangan dan rumusan setelah semua data dianalisis. Ianya meliputi rumusan mengenai kajian dan cadangan pembangunan jenis hotel pada masa hadapan yang bersesuaian agar dapat memberi manfaat kepada pihak-pihak yang berkepentingan.

1.8 SUSUNATUR BAB

Penulisan kajian ini mengandungi lima bab yang telah dibahagikan mengikut susunatur seperti yang telah dicadangkan iaitu:

1.8.1 Bab 1 (Pendahuluan)

Bab 1 merangkumi perkara asas berkenaan keseluruhan penulisan kajian berdasarkan pembacaan. Ia mengandungi fakta dari keratan akhbar, artikel, jurnal, buku dan bacaan lain yang dirujuk untuk mencari pernyataan masalah dan tajuk penyelidikan. Berdasarkan kepada tajuk dan pernyataan masalah ini, objektif kajian dikenalpasti. Skop kajian, metodologi dan kepentingan kajian juga dikenalpasti bagi menjalankan kajian ini dengan jayanya.

1.8.2 Bab 2 (Kajian Literatur)

Bahagian ini menerangkan kajian literatur yang dilakukan sepanjang pelaksanaan kajian. Kajian ini dijalankan melalui pembacaan ke atas sumber-sumber sekunder seperti jurnal, tesis kajian lepas, akhbar dan sebagainya bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan objektif kajian. Kajian akan memperincikan permintaan dan penawaran hotel, perancangan pembangunan oleh pihak kerajaan tempatan dan stok harta tanah sediaada.

1.8.3 Bab 3 (Metodologi Kajian)

Bab ini menerangkan mengenai metodologi kajian dijalankan iaitu bagaimana pengumpulan data dan kaedah analisis yang akan digunakan bagi mendapatkan hasil mengikut objektif kajian yang telah ditetapkan.

1.8.4 Bab 4 (Kawasan Kajian)

Bab ini menerangkan hasil maklumat analisis kajian yang diperolehi menerusi kaedah kutipan data yang telah ditetapkan seperti temubual dan soal selidik.

1.8.5 Bab 5 (Analisis Kajian)

Bab ini merupakan bahagian terakhir yang membincangkan tentang hasil kajian yang telah ditemui sepanjang penulisan ini dijalankan. Penemuan objektif kajian ini dijelaskan. Beberapa cadangan akan dikemukakan bersama dengan syor bagi menjalankan kajian lanjutan di dalam skop yang sama pada masa hadapan.

1.8.6 Bab 6 (Kesimpulan dan Cadangan)

Bab ini merupakan bahagian terakhir yang membincangkan tentang hasil kajian yang telah ditemui sepanjang penulisan ini dijalankan. Penemuan objektif kajian ini dijelaskan. Beberapa cadangan akan dikemukakan bersama dengan syor bagi menjalankan kajian lanjutan di dalam skop yang sama pada masa hadapan.

1.9 Kesimpulan dan cadangan

Pada peringkat ini, penemuan kajian dijelaskan melalui bentuk yang lebih komprehensif dan terperinci. Penemuan kajian secara keseluruhan adalah penting dalam memastikan kejayaan kajian ini. Kesimpulan juga dibuat bagi menyokong penemuan kajian secara menyeluruh. Pada peringkat, ia akan menjawab tujuan, objektif dan segala persoalan berbangkit mengenai kajian ini.

RUJUKAN

- AlBattat, A. R., & MatSom, A. P. (2014). Emergency Planning and Disaster Recovery in Malaysian Hospitality Industry. *Procedia - Social and Behavioral Sciences, 144*, 45–53. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.07.272>
- Ali, F., Hussain, K., & Ragavan, N. A. (2014). Memorable Customer Experience: Examining the Effects of Customers Experience on Memories and Loyalty in Malaysian Resort Hotels. *Procedia - Social and Behavioral Sciences, 144*, 273–279. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.07.296>
- Aruma, D. E. O., & Hanachor, D. M. E. (2017). Abraham Maslow's Hierarchy of Needs and Assessment of Needs in Community Development. *International Journal of Development and Economic Sustainability, 5*(7), 15–27.
- Booth, P., Chaperon, S. A., Kennell, J. S., & Morrison, A. M. (2020). International Journal of Hospitality Management Entrepreneurship in island contexts : A systematic review of the tourism and hospitality literatur. *International Journal of Hospitality Management, 85*(November 2019), 102438. <https://doi.org/10.1016/j.ijhm.2019.102438>
- Boto-garcía, D., & Mayor, M. (2022). Annals of Tourism Research Domestic tourism and the resilience of hotel demand. *Annals of Tourism Research, 93*, 103352. <https://doi.org/10.1016/j.annals.2022.103352>
- Devi, S., Thevi, U., & Pahlevan, S. (2014). Service quality and previous experience as a moderator in determining tourists ' satisfaction with rural tourism destinations in Malaysia : A partial least squares approach. *Procedia - Social and Behavioral Sciences, 144*, 203–211. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.07.288>
- Falak, S., May, L., & Yeo, A. (2014). A repositioning strategy for rural tourism in Malaysia- community ' s perspective. *Procedia - Social and Behavioral Sciences, 144*, 412–415. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.07.310>
- Foon, C., & Chye, E. (2020). Does tourism effectively stimulate Malaysia ' s economic growth ? *Tourism Management, 46*(2015), 158–163.

<https://doi.org/10.1016/j.tourman.2014.06.020>

George Assaf, A., Josiassen, A., Woo, L., Agbola, F. W., & Tsionas, M. (2017).

Destination characteristics that drive hotel performance: A state-of-the-art global analysis. *Tourism Management*, *60*, 270–279.

<https://doi.org/10.1016/j.tourman.2016.12.010>

Haigh, M. (2020). Cultural tourism policy in developing regions: The case of

Sarawak, Malaysia. *Tourism Management*, *81*(May), 104166.

<https://doi.org/10.1016/j.tourman.2020.104166>

Lahap, J., Ramli, N. S., Said, N. M., Radzi, S. M., & Zain, R. A. (2016). A Study of

Brand Image towards Customer's Satisfaction in the Malaysian Hotel Industry. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, *224*(August 2015), 149–157.

<https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2016.05.430>

Lee, O. A. (2010). Coastal resort development in Malaysia: A review of policy use in

the pre-construction and post-construction phase. *Ocean and Coastal*

Management, *53*(8), 439–446. <https://doi.org/10.1016/j.ocecoaman.2010.06.010>

Li Sa, M. L., Choon-Yin, S., Chai, Y. K., & Aik Joo, J. H. (2020). Knowledge

creation process, customer orientation and firm performance: Evidence from small hotels in Malaysia. *Asia Pacific Management Review*, *25*(2), 65–74.

<https://doi.org/10.1016/j.apmr.2019.07.002>

Liu, A. (2006). Tourism in rural areas: Kedah, Malaysia. *Tourism Management*,

27(5), 878–889. <https://doi.org/10.1016/j.tourman.2005.05.007>

Musavengane, R. (2019). Small hotels and responsible tourism practice: Hoteliers'

perspectives. *Journal of Cleaner Production*, *220*, 786–799.

<https://doi.org/10.1016/j.jclepro.2019.02.143>

Nair, V., Chiun, L. M., & Singh, S. (2014). The International Tourists' Perspective

on Malaysia's Economic Transformation Programme (ETP). *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, *144*, 433–445.

<https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.07.313>

Nilashi, M., Samad, S., Ahani, A., Ahmadi, H., Alsolami, E., Mahmoud, M., Majeed,

- H. D., & Abdulsalam Alarood, A. (2021). Travellers decision making through preferences learning: A case on Malaysian spa hotels in TripAdvisor. *Computers and Industrial Engineering*, 158(September 2020), 107348. <https://doi.org/10.1016/j.cie.2021.107348>
- Nilashi, M., Samad, S., Manaf, A. A., Ahmadi, H., Rashid, T. A., Munshi, A., Almkadi, W., Ibrahim, O., & Hassan Ahmed, O. (2019). Factors influencing medical tourism adoption in Malaysia: A DEMATEL-Fuzzy TOPSIS approach. *Computers and Industrial Engineering*, 137(August), 106005. <https://doi.org/10.1016/j.cie.2019.106005>
- Perić, B. Š., Smiljanić, A. R., & Kežić, I. (2022). Role of tourism and hotel accommodation in house prices. *Annals of Tourism Research Empirical Insights*, 3(1), 100036. <https://doi.org/10.1016/j.annale.2022.100036>
- Scarlett, H. G. (2021). Research in Globalization Tourism recovery and the economic impact : A panel assessment. *Research in Globalization*, 3(April), 100044. <https://doi.org/10.1016/j.resglo.2021.100044>
- Stauvermann, P. J., & Kumar, R. R. (2017). Productivity growth and income in the tourism sektor: Role of tourism demand and human capital investment. *Tourism Management*, 61, 426–433. <https://doi.org/10.1016/j.tourman.2017.03.006>
- Yang, L., Wang, C., Yu, H., Yang, M., Wang, S., Chiu, A. S. F., & Wang, Y. (2020). Can an island economy be more sustainable ? A comparative study of Indonesia , Malaysia , and the Philippines. *Journal of Cleaner Production*, 242, 118572. <https://doi.org/10.1016/j.jclepro.2019.118572>
- Zhang, D., Tu, J., Zhou, L., & Yu, Z. (2020). Higher tourism specialization, better hotel industry efficiency? *International Journal of Hospitality Management*, 87(April 2019). <https://doi.org/10.1016/j.ijhm.2020.102509>

LAIN – LAIN RUJUKAN

- TRDI.my. <https://www.trdi.my/kedatangan-pelancong-ke-terengganu-meningkat-165-peratus>
- Berita Harian (2018). <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2018/09/472719/pulau-peranginan-di-terengganu-sesak>
- Harian Metro (2020). <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/08/611690/terengganu-catat-kedatangan-pelancong-paling-tinggi>
- Sinar Harian (2019).
<https://www.sinarharian.com.my/article/36972/EDISI/Terengganu/Terengganu-sasar-65-juta-pelancong-menjelang-2025>
- Berita Harian (2021). <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/08/857717/sektor-pelancongan-terengganu-dibuka-semula-secara-rasmi-mulai-rabu>
- Portal Rasmi Kerajaan Negeri Terengganu (2021).
<https://www.terengganu.gov.my/index.php/ms/arkib/berita-utama/722-dijangka-1-5-juta-pelancong-ke-terengganu>
- Menteri Besar Terengganu (2020). <https://drsamsuri.com/peningkatan-9-8-peratus-kedatangan-pelancong-ke-terengganu/>
- Berita Harian (2020).
<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/01/651476/coronavirus-tidak-jejas-kemasukan-pelancong-ke-terengganu>
- Berita Harian (2017). <https://www.bharian.com.my/hujung-minggu/kembara/2017/07/304390/pulau-perhentian-sentiasa-menggamit-kedatangan-pelancong>
- Portal Rasmi Majlis Daerah Besut (2021).
<http://mdb.terengganu.gov.my/ms/pelawat/destinasi-menarik/pulau-perhentian/page/0/1>
- Harian Metro (2021). <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/08/747288/covid-19-aktiviti-pelancongan-di-pulau-perhentian-ditangguhkan>
- Utusan Malaysia (2021). <https://www.utusan.com.my/nasional/2021/06/pelancongan-terengganu-lumpuh/>
- Portal Gerbang Rasmi Kerajaan Malaysia, My Government (2021).
<https://www.malaysia.gov.my/portal/content/30446?language=my>
- Portal Raasmi MAMPU. https://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/statistik-pelancong-ke-taman-laut-terengganu-dari-2000-2017

- GEOGRAFIA OnlineTM Malaysia Journal of Society and Space 8 issue (2012).
<http://journalarticle.ukm.my/5504/1/7a.geografia-jul%25202012-rosniza%2520dkk-melayu-ed%2520amriah-%252031.7.12.pdf>
- Astro Awani (2021). <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pemain-industri-pelancongan-terengganu-diingatikan-beri-penekanan-serius-terhadap-sop-262323>
- Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) (2020).
https://www.ecerdc.com.my/media_releases/basmi-kemiskinan-jadi-keutamaan-ecerdc-di-terengganu/
- Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) (2008).
<https://www.ecerdc.com.my/news/ecer-beri-impak-positif-pembangunan-hartanah/>
- Portal Rasmi Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu (2021).
<http://tourism.terengganu.gov.my/index.php/2013-03-25-09-26-15/berita/649-majlis-pelancaran-pelan-strategik-2021-2025>